

Pasaran REIT dijangka berkembang sederhana

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 OKT.

PASARAN Amanah Pelaburan Hartanah Malaysia (REIT) mungkin mengalami pertumbuhan sederhana yang rendah dalam tempoh terdekat, memandangkan sektor hartanah terus lembap.

Pengerusi Persatuan Pengurus REIT Malaysia, Datuk Jeffrey Ng berkata, pasaran REIT tempatan akan terus mencabar dalam jangka pendek.

“Terdapat banyak lebih penawaran dalam pasaran hartanah keseluruhan pada masa ini. Ia sekali gus menjejaskan jualan dan pengagihan dividen.

“Kebanyakan REIT dijangka akan mengalami pertumbuhan sederhana dalam tempoh terdekat,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Indeks REIT Bursa Malaysia di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Seri Tajuddin Atan berkata, pengenalan Indeks REIT di Bursa Malaysia adalah sejajar dengan trend global.



JEFFREY NG

Katanya, indeks baharu tersebut akan membantu menyediakan ketelusan yang lebih tinggi dalam industri REIT dan menggalakkan amalan tadbir urus yang lebih kukuh dan membantu meningkatkan keyakinan pasaran.

“Industri REIT Malaysia kini telah matang dan adalah masa yang tepat untuk melancarkan Indeks REIT yang pertama di Malaysia.

“Indeks ini juga berpotensi untuk memberi rangsangan kepada kecairan di pasaran untuk pem-



TAJUDDIN ATAN

bangunan REIT yang lebih luas,” katanya.

Indeks REIT akan mengesan semua REIT yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi tujuan meningkatkan profil REIT dan berfungsi sebagai penanda aras untuk mengukur prestasi keseluruhan.

“REIT juga memberi risiko yang lebih rendah dan memberikan portfolio pelaburan yang pelbagai kepada para pelabur, sekali gus meningkatkan pulangan serta mengurangkan risiko,” katanya.